

Musa ganti

UM 29 SEP 2011

KUALA LUMPUR 28 Sept. Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pelantikan Menteri Kewangan Sabah, Datuk Musa Aman sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, menggantikan Datuk Osu Sukam. Perdana Menteri berkata,

MT akan memaklumkan mengenai pelantikan itu kepada Musa tidak lama lagi.

Berazam

“Kita akan sampaikan perkara ini kepada Musa dan kita ucap terima kasih kepada Osu,” kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Musa yang

dihubungi di Kota Kinabalu berkata, beliau berazam untuk memimpin parti itu dengan lebih cemerlang menerusi kerjasama padu daripada segenap lapisan ahlinya.

“Saya sedar bahawa pelantikan ini bukanlah satu keistimewaan, tetapi satu amanah kepada saya yang perlu dijalankan dengan tu-

Osu di Sabah

lus ikhlas demi kepentingan agama, bangsa dan negara,” tegasnya.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah dan Bendahari Badan Perhubungan UMNO Sabah itu adalah Ketua UMNO bahagian Libaran.

“Saya amat berterima kasih kepada Presiden UMNO,

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta barisan kepimpinan tertinggi parti di atas kepercayaan untuk melantik saya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah itu,” katanya.

Musa turut merakamkan penghargaan kepada Osu

yang memimpin UMNO Sabah dengan baik dan berharap kecemerlangan itu akan dapat diteruskan menerusi kepimpinan baru ini.

Ujarnya, beliau akan memanggil mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Sabah dan menemui kesemua 20 ketua bahagian negeri berkenaan tidak lama lagi bagi menyusun pentadbiran baru.